

25 OCT 2000

PAK LAH RAIKAN PUTERA SULTAN ABDUL AZIZ

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah mengadakan majlis makan malam bagi meraikan Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Persembahan kebudayaan juga diadakan bagi meraikan para tetamu pada majlis itu.

Putera Sultan Abdul Aziz, yang juga Menteri Penerbangan dan Pertahanan tiba di sini semalam bagi lawatan lapan hari atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mengetui delegasi lebih daripada 160 orang.

Terdahulu hari ini, Putera Sultan Abdul Aziz mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, selepas itu mereka menyaksikan upacara menandatangani dua perjanjian untuk meningkatkan dagangan dan ekonomi antara Kuala Lumpur-Riyadh.

-- BERNAMA

RZS MAM RI